**RM400** *>>Harga 1 kilogram krim pemutih*



## RM5,000 lebur sertai skim produk kecantikan

**Rawang:** Tawar keuntungan lumayan dengan hanya perlu melabur minimum RM5,000 bagi menyertai skim perniagaan produk kecantikan.

Itu antara taktik penipuan dilakukan seorang suspek yang didakwa menipu ramai mangsa dengan menjanjikan pulangan bulanan tanpa perlu mangsa bersusah payah mencari pelanggan.

Kegiatan itu terbongkar selepas seorang mekanik membuat laporan polis akibat gagal memperoleh keuntungan dijanjikan.

Sumber polis berkata, kejadian berlaku selepas mangsa lelaki berusia 26 tahun itu berkenalan dengan pemilik syarikat terbabit pada bulan Mei tahun lalu.

Susulan perkenalan itu, lelaki terbabit mengajak mangsa untuk menyertai pelaburan di syarikat menjual produk kecantikan didakwa miliknya.

"Mangsa dijanjikan untuk mendapatkan bayaran keuntungan secara bulanan sebanyak 20 hingga 30 peratus selama setahun hasil pelaburan itu.

"Selepas berminat dengan tawaran diberikan itu, mangsa membuat pembayaran RM5,000 menerusi satu transaksi di sebuah bank di Rawang, pada 31 Mei tahun lalu.

"Mangsa mendakwa gagal memperoleh keuntungan selepas tiga bulan terbabit dalam pelaburan itu," katanya.

Katanya, mangsa cuba berhubung dengan pemilik syarikat terbabit bagi mendapatkan bayaran namun pelbagai alasan diberikan suspek.

"Mangsa yang hilang sabar selepas gagal memperoleh bayaran dijanjikan kemudian tampil membuat laporan di Balai Polis Rawang pada Khamis lalu," katanya.

# TAMPAL LABEL JE...

### ■ *Usahawan bermodal RM350 untung 3 kali ganda jual produk kosmetik tak berkualiti berjenama sendiri*

**Fairul Asmaini Mohd Pilus dan Siti Nor Hidayatidayu Razali**
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Hanya bermodalkan RM350, seseorang itu boleh bergelar usahawan 'atas angin' dan mencatat keuntungan sehingga tiga kali ganda dengan memasarkan produk kosmetik tidak berkualiti berjenama sendiri.

Caranya cukup mudah, tidak perlu ada kilang dan lesen untuk menghasilkan produk kecantikan kerana ada kilang yang bersedia menghasilkan pelbagai produk kecantikan untuk sesiapa saja yang mahu menjadi usahawan.

Maklumkan saja apa jenis produk kecantikan yang mahu dihasilkan sama ada menggunakan campuran herba, buah-buahan, sayur-sayuran, makanan sunah atau apa saja, semua pengilang terbabit boleh menghasilkan.

Dalam tempoh beberapa hari saja, produk boleh disiapkan. Cuma yang perlu dilakukan pengeluar ialah melekat label jenama yang dikehendaki pada produk berkenaan.

Pengusaha juga diberi pilihan untuk meletak alamat sendiri sebagai pengeluar dan pengilang produk pada kotak pembungkusan tanpa rasa bersalah.

Kemunculan usahawan produk kosmetik tidak berkualiti dan beroperasi tanpa mematuhi prosedur pihak berkuasa ini sedikit sebanyak menjejaskan 'kemeriahan' pasaran kosmetik di negara ini yang diterajui usahawan tulen.

Pada masa sama, produk tidak berkualiti ini turut menimbulkan pelbagai risiko kesihatan kepada pengguna kerana ia dikeluarkan tanpa mendapat kelulusan pihak berkuasa termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Tinjauan Harian Metro mendapati dengan hanya berbekalkan modal yang kecil, usahawan atas angin itu boleh membeli sehingga satu kilogram (kg) produk krim pemutih wajah yang dijual secara pukal atau timbang kilo daripada pengedar tertentu.

Tidak hairanlah, jika rajin meninjau laman sosial milik sesetengah pengedar bahan kosmetik itu mampu menawarkan harga yang kadang-kala tidak masuk akal.

Bagi meyakinkan pembeli, pengedar turut menyertakan testimoni dan gambar pelanggan mereka, kononnya produk itu berkesan membantu mendapatkan kulit wajah yang diidamkan.

Selain krim pemutih wajah, bedak asas, krim malam, krim siang, penyegar, serum, topeng (mask) muka, skrub juga boleh dibeli secara kilo berdasarkan bajet pembeli.

Harian Metro mendapati harga sekilo krim siang atau krim malam boleh diperoleh menerusi Internet pada harga RM350, krim pemutih (RM400) losen pemutih badan (RM90), skrub badan (RM120), serum rumpai laut (RM350), serum jerawat (RM300), krim asas (RM650) dan pati ikan kolagen (RM450).

Selepas membuat pesanan serta pembayaran, produk akan dipos kepada alamat pembeli untuk dibungkus kepada jenama masing-masing dan kemudian boleh dijual ke pasaran.

Bagi sekilo krim pemutih berharga RM400 contohnya, jika diisi ke dalam botol seberat 20 gram peniaga akan mendapatkan sekitar 50 botol.

Jika setiap botol krim pemutih itu dijual di pasaran



pada harga serendah RM30, peniaga tetap mendapat untung RM1,500 iaitu lebih tiga gali ganda.

Pensyarah Kanan Perubatan dan Pakar Dermatologi Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Kartini Farah Rahim berkata, kajian mendapati pelbagai bahan berbahaya dicampur dalam kosmetik yang tidak berdaftar atau bernotifikasi KKM terutama produk diseludup dari negara jiran.

Antaranya, logam berat seperti merkuri, tretinoin, hidrokuinon, asid azelaik serta kortikosteroid seperti betamethasone yang digunakan dalam produk kosmetik untuk kulit.

"Logam lain termasuk arsenik, berilium dan kadmium yang biasanya tidak disenaraikan di bahagian isi kandungan produk kerana dianggap sebagai produk 'sampingan' dan tidak disengajakan.

"Hasil penggunaan produk kecantikan yang mengandungi bahan kimia terlarang itu boleh mengundang gangguan hormon, masalah buah pinggang serta risiko teratogenik (kecacatan bayi dalam kandungan) bagi ibu hamil.

"Pengguna juga boleh mendapat kerosakan sistem saraf, kegegaran (tremor), masalah berkaitan ingatan, emosi, pendengaran dan penglihatan, menjejaskan buah pinggang, kulit iritasi, senang menjadi nipis," katanya.

Sepanjang tahun lalu, 11 produk kosmetik keluaran tempatan termasuk dari jenama popular dibatalkan notifikasi ekoran mengandungi bahan larangan, termasuk racun berjadual yang tidak dibenarkan dalam produk kosmetik.

Agensi Regulatori Farmasi Negara (NPRA) dalam satu kenyataan memaklumkan 11 krim berkenaan membabitkan produk kosmetik iaitu krim pemutih, topeng muka, krim penjagaan, krim malam serta skrub muka.

Katanya, semua racun itu adalah produk farmaseutikal yang perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah dan hanya boleh digunakan dengan nasihat profesional kesihatan.

"Racun berjadual ini dicampur ke dalam produk mereka untuk memberi kesan segera kepada pengguna selain untuk melariskan penjualan produk.

"Kebanyakan racun itu tidak dapat dikesan melalui tekstur, bau dan warna, cuma kajian di makmal boleh mengesahkan kehadiran dan peratusan bahan tersebut di dalam sisi kandungan," katanya.

Menurutnya, majoriti wanita kurang kesedaran mengenai bahaya racun itu dek kerana terlalu menginginkan kulit cantik dalam tempoh singkat apatah lagi harga yang ditawarkan terlalu murah.

Beliau berkata, teknologi digital membolehkan pembelian produk kosmetik dilakukan secara dalam talian atau pemasaran secara langsung tanpa memerlukan mereka memiliki kedai kecantikan.

"Biasanya dalam pengiklanan mereka, ditulis 'organik atau semula jadi dengan sumber berasaskan tumbuh-tumbuhan menyebabkan pengguna mudah terpengaruh dengan ayat yang tidak benar dan mengelirukan.

"Terdapat juga peniaga yang mengiklankan produk mereka dengan iklan menarik berserta testimoni pembeli dan menggunakan artis yang cantik (yang kemungkinannya dibayar) di dalam pengiklanan mereka," katanya.

Beliau kesal kerana peniaga sanggup mengabaikan etika dan tanggungjawab semata-mata untuk mengaut keuntungan tinggi dengan menjual produk mengandungi racun.

"Jangan mengambil mudah menjual kosmetik yang mengandungi racun ini kerana ia mempunyai kesan sampingan yang berkemungkinan akan berkekalan," katanya.

> **"Racun dalam produk kosmetik tidak dapat dikesan melalui tekstur, bau dan warna"**
> *Dr Kartini Farah*



## Tak kisah bahaya asal wajah cantik

**Kota Bharu:** Kegilaan wanita untuk kelihatan cantik menyebabkan produk kecantikan tumbuh seperti cendawan selepas hujan malah usahawan segera turut mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan berlipat ganda dalam tempoh singkat.

Bagi Dila, 31, dari Kota Bharu, dia sudah dua tahun mengusahakan produk kecantikan untuk wanita di pelbagai peringkat usia yang mahu tampil cantik tapi terikat dengan kekangan kewangan.

Dia bertanggungjawab untuk memenuhi keperluan wanita begitu kerana mahu mereka sama-sama cantik walaupun menyedari produk keluarannya tidak mempunyai kelulusan daripada pihak berkuasa.

"Sudah dua tahun saya keluarkan produk penjagaan wajah dan bedak asas dan dalam tempoh itu saya tidak sempat mendapatkan kelulusan daripada pihak berwajib.

"Tapi, produk saya tidak mempunyai masalah, bahkan dengan harga serendah RM60 untuk set penjagaan wajah, ramai yang boleh cantik seperti mengenakan produk mahal yang harganya ratusan ringgit.

"Setakat ini tiada yang mengadu bahkan sambutan amat menggalakkan sehingga mampu mempunyai ejen jualan di Indonesia. Semuanya atas kuasa pasaran Online," katanya.

Dia menghasilkan produknya dengan membeli daripada pemborong sebelum menukar pembungkusan dan melakukan label semula dengan jenamanya sendiri.

"Saya tahu ada kilang yang boleh membantu pengusaha keluarkan produk yang dimahukan dan pernah mencuba sekali, tapi saya lebih selesa mendapatkan bahan daripada pemborong kerana ia lebih bersifat 'ready made'.

"Saya cuma perlu sediakan pembungkusan dan label. Yang penting saya perlu meyakinkan pelanggan, produk yang saya jual berkesan untuk mencantikkan kulit," katanya.

Bagi pemilik kosmetik jenama sendiri, Nur, 22, dia mampu memperoleh keuntungan sekelip mata dengan penghasilan produk kecantikan jenama sendiri.

Sekurang-kurangnya RM50 untung diperoleh untuk setiap set pemutihan wajah yang dijual, berbanding kos dilaburkan hanya RM20 setiap set.

Sejak bergiat aktif Januari tahun lalu, dia sudah menjual lebih 400 set pemutihan wajah melalui laman sosial seperti Facebook, WeChat dan Instagram.

"Produk pemutih wajah sangat mudah dijual kerana kebanyakan wanita zaman ini mahu menjadi cantik dalam masa yang pantas," katanya.



ANTARA produk kosmetik yang diharamkan Kementerian Kesihatan Malaysia.



NUR menunjukkan produk kosmetik jenamanya.